

Ogos
2024

Dipraktisi Kepada Menteri dan Pengerusi

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my



ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-64 KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA TENGKU AMPUAN PAHANG

Kuantan, 5 Ogos - Sempena Memuliakan Ulang Tahun Keputeraan Yang Ke - 64 Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj pada 5 Ogos 2024 (Isnin) bersamaan 30 Muharam 1446 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengurus, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta seluruh anggota pekerja Kumpulan PKNP.

SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA PKNP DAN MYSA



Sesi menandatangani MOU di antara PKNP dan MYSA disaksikan oleh YAB Menteri Besar Pahang dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Kuantan, 27 Ogos - Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Agensi Angka-sa Malaysia (MYSA) bertempat di Hotel Corus, Kuala Lumpur.

Sesi menandatangani MOU ini telah disempurnakan oleh wakil-wakil dari kedua-dua pihak PKNP dan MYSA yang mana dipihak PKNP ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek manakala di pihak MYSA adalah Ketua Pengarah MYSA, Y.Brs Gs. Tuan Haji Azlikamil bin Napiah.

Pemeteraihan Memorandum Persefahaman ini adalah bagi jalinan kerjasama strategik ke arah memantapkan lagi pemantauan projek-projek PKNP terutamanya

dalam menangani isu-isu pencerobohan tanah yang mana MYSA akan membangunkan satu sistem yang akan menyediakan maklumat geospatial muka bumi berteraskan penggunaan teknologi 'remote sensing', Geographical Information System (GIS), Global Positioning System (GPS) dan teknologi IT terkini untuk kegunaan PKNP.

Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman ini telah disaksikan oleh YAB Menteri Besar Pahang merangkap Pengurus PKNP, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli bin Yaacob.



YAB Menteri Besar Pahang selaku Pengurus PKNP mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bilangan 2 Tahun 2024

Turut hadir bagi menyaksikan sesi Menandatangani MOU ini adalah Ahli-Ahli Perbadanan PKNP, barisan pengurusan PKNP serta pihak MYSA.

Turut diadakan sejurus selepas sesi menandatangani MOU tersebut adalah Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil. 2/ 2024 yang telah dipengerusikan oleh YAB Dato Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan diikuti dengan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan mantan Ahli Perbadanan PKNP, YH. Dato' Ahmad Suhaimi bin Endut.

PKNP JUARA, CIPTA KELAINAN BAWA KONSEP KECERDASAN BUAT(AI), ROBOTIK DAN FUTURISTIK DALAM PERARAKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN 2024 PERINGKAT NEGERI PAHANG



PKNP muncul juara Perbarisan Hari Kebangsaan Negeri Pahang 2024

Kuantan, 31 Ogos - Kontinjen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) mencipta sejarah setelah muncul sebagai Johan bagi Kategori Kemajuan Ekonomi dalam Perbarisan dan Perarakan sempena Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Pahang yang telah berlangsung di Padang MBK 1, Kuantan.

Diketuai oleh Kapten Azis bin Muhamad dengan kekuatan keanggotaan seramai 38 orang yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP dan anak syarikat, pada kali ini PKNP telah membawakan

kelainan dengan pemakaian berkonsepkan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI), robotik dan futuristik yang mana konsep ini adalah bertepatan dengan Teras Malaysia Madani ke arah Masyarakat Madani Celik Digital.

Hadir di pentas Tetamu Kehormat sebagai tanda sokongan padu kepada kontinjen PKNP adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Tahniah Sang Juara!



Perbarisan Hari Kebangsaan Tahun 2024 disertai oleh seramai 38 anggota pekerja PKNP

LAWATAN PENANDA ARAS KE KULIM HI TECH PARK (KHTP), KEDAH



Delegasi PKNP ke Lawatan Penanda Aras ke Kulim Hi Tech Park diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kedah, 14 Ogos - YH. Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mengetuai delegasi PKNP ke Lawatan Penanda Aras ke Kulim Hi Tech Park (KHTP), Kedah.

Lawatan penanda aras ini bertujuan untuk mempelajari kaedah pengurusan taman perindustrian yang dilaksanakan oleh pemaju KHTP iaitu Kulim

Technology Park Consortium Sdn. Bhd. (KTPCSB) sehingga berjaya menjadi penyumbang terbesar kepada kemasukan nilai pelaburan tertinggi untuk negeri Kedah seterusnya berada di kedudukan teratas untuk rekod pelaburan tertinggi dalam negara sejak tahun 2021 hingga suku pertama 2024 dengan nilai berjumlah RM31.3 billion.

Kedua-dua pihak PKNP dan KTPCSB juga turut bertukar-tukar pandangan ke arah mewujudkan iklim pelaburan yang positif di negeri masing-masing.

Kehadiran PKNP telah disambut baik oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTPCSB, Dato' Mohd Sahil bin Zabidi serta Ketua Pegawai Kewangan, Encik Mohd Zahid bin Abdul Jalil.

Turut serta dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pemangku Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan serta pegawai-pegawai PKNP yang berkaitan.

CEO PKNP DIJEMPUT SELAKU PEMBENTANG DI KUANTAN PORT INTERNATIONAL CONFERENCE 2024



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sedang melakukan pembentangan kepada peserta Kuantan Port International Conference 2024

Kuantan, 15 Ogos - Bersempena dengan Sambutan Ulangtahun ke-50 Pelabuhan Kuantan, pihak Kuantan Port Consortium (KPC) dengan usahasama Institut Maritim Malaysia (MIMA) telah menganjurkan Kuantan Port International Conference 2024 bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC), Kuantan baru-baru ini.

Dijemput selaku pembentang pada sesi sebelah petang yang dinamakan 'Industrial Session II', YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah diberikan penghormatan selaku pembentang pertama dengan tajuk 'Invest In Pahang : Comprehensive Support and Industrial Park Insight' diikuti dengan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak dan seterusnya Ketua Pegawai Eksekutif New Land - Sea Corridor Operation Co., Ltd.

Sesi pembentangan berinformatif ini tertumpu kepada daya tarikan dan potensi pelaburan yang tersedia di sekitar Pelabuhan Kuantan disamping perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain serta kemudahan akses yang strategik untuk para pelabur serta pelabur berpotensi.

Hadir sebagai tetamu kehormat pada sesi pembentangan tersebut adalah Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Anthony Loke Siew Fook serta Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kuantan, YAM Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menerima sijil sebagai tanda penghargaan

HARI INOVASI PKNP 2024

Kuantan, 15 Ogos - PKNP telah mengadakan Sambutan Hari Inovasi PKNP Tahun 2024 dengan temanya, "Warga Berinovatif PKNP Progresif".

Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan dihadiri oleh seluruh warga kerja PKNP. YH. Dato' telah menyarankan semua anggota pekerja PKNP mencabar diri dalam melaksanakan tugas agar lebih kreatif dan berinovatif dalam mana-mana aspek kerja untuk meningkatkan kualiti kerja sekali gus menjadikan PKNP lebih progresif.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menerima sijil sebagai tanda penghargaan

YH Dato juga menyeru agar semua anggota pekerja membudayakan inovasi dengan menggunakan mekanisma terkini dan berpegang kepada falsafah penambahbaikan yang berterusan.

Terdahulu, sebagai persediaan menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Sektor Awam (KIKSA) Pahang 2024, satu sesi Pembentangan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PKNP telah diadakan melibatkan tiga (3) kumpulan. Panel Penilai telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) YBhg Datin Hajah Noraskin binti Jamaldin, Pengurus ICT Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz dan Pengurus Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti Puan Marlia binti Osman.



Barisan panel penilai bagi Pembentangan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PKNP

MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF KEMENANGAN SUKAN GEMAPUTERA KALI KE XVII PULAU PINANG 2024



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP menyampaikan ucapan perasmian

Kuantan, 21 Ogos - Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Sukan Gemaputra Kali ke XVII Pulau Pinang 2024 telah diadakan di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Majlis ini bertujuan bagi menghargai jasa dan komitmen Kontinjen PKNP dalam Sukan Gemaputra yang lepas serta pemberian insentif kepada Kontinjen PKNP yang telah berjaya menang pada kejohanan tersebut.

Pemberian insentif ini telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar sambil diiringi oleh Timbalan Ketua Pegawai

Eksekutif (Pengurusan) PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

Diharapkan agar Kontinjen PKNP akan tampil lebih cemerlang pada edisi Sukan Gemaputra akan datang yang bakal berlangsung di Sarawak.



Kontinjen PKNP bergambar bersama-sama Pengurusan Tertinggi PKNP sebagai kenang-kenangan

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN PKNP KALI KE – 67 PERINGKAT NEGERI PAHANG



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar